

PERATURAN PEPERIKSAAN MARA

A. DOKUMEN DAN BARANG-BARANG YANG BOLEH DIBAWA MASUK KE DALAM DEWAN PEPERIKSAAN :

1. Surat Tawaran ini, pen, pensil 2B, pemadam, pembaris dan keperluan lain.
2. Kad Pengenalan atau dokumen pengenalan diri lain yang sah.
3. Bahan-bahan rujukan yang dibenarkan sahaja boleh di bawa semasa calon menduduki peperiksaan.
4. Nota-nota kursus adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
5. Penggunaan Kalkulator (Mesin Kira Elektronik) adalah dibenarkan.

B. KEDATANGAN

Calon-calon dikehendaki berada di dewan peperiksaan **15 minit** sebelum peperiksaan dimulakan. Calon-calon yang datang lewat melebihi **30 minit** selepas peperiksaan dimulakan tidak dibenarkan masuk mengambil peperiksaan sekiranya alasan yang diberi tidak munasabah. Walau bagaimanapun tiada masa tambahan yang akan diberikan di atas kelewatan tersebut.

C. PAKAIAN

Calon-calon adalah diwajibkan sentiasa berpakaian kemas dan tidak menjolok mata sebagaimana menjalankan tugas rasmi di pejabat.

D. PERATURAN DALAM DEWAN PEPERIKSAAN :

1. Semasa peperiksaan berjalan, calon-calon **DILARANG** sama sekali mengganggu calon-calon lain secara bercakap, membuat bising atau meminjam bahan-bahan rujukan.
2. Sebarang masalah atau memerlukan kertas jawapan, calon perlulah mengangkat tangan bagi menyampaikan hasratnya.
3. Calon-calon adalah dilarang merokok semasa peperiksaan sedang berjalan.
4. Kertas jawapan hendaklah disimpan supaya tidak dilihat oleh calon lain. Jika didapati calon cuba meniru atau memberi jawapan kepada calon lain, mereka akan disingkirkan daripada peperiksaan dan kertas jawapan juga akan dibatalkan serta tindakan tatatertib akan diambil.
5. Calon hanya boleh meninggalkan dewan peperiksaan selepas **30 minit** dari masa peperiksaan dimulakan.

6. Calon tidak diboleh meninggalkan dewan dalam masa **15 minit** sebelum tamat peperiksaan.
7. Setelah masa menjawab tamat, calon juga **tidak dibenarkan** meninggalkan dewan sehingga Ketua Pengawas mengambil kertas soalan dan jawapan dari meja calon.

E. PERJALANAN

Perbelanjaan perjalanan pergi/balik adalah ditanggung sepenuhnya oleh MARA. Sungguhpun begitu jenis kenderaan yang termurah sekali hendaklah digunakan. Bagi perjalanan jauh calon dikehendaki menggunakan perkhidmatan Bas Ekspres sahaja. Sementara bagi perjalanan dalam Bandar calon dikehendaki menggunakan perkhidmatan bas sahaja. Walau bagaimanapun perkhidmatan teksi dibolehkan dengan syarat 4 orang berkongsi menyewa sebuah teksi.

F. PENGINAPAN

Bagi calon yang terpaksa bermalam boleh membuat tuntutan Elaun Penginapan dan Elaun Sara Hidup mengikut kelayakan masing-masing. Jika memerlukan wang pendahuluan, peraturan yang sedia terpakai boleh digunakan.

G. TUNTUTAN

SILA AMBIL PERHATIAN bahawa semua tuntutan adalah **di bawah tanggungan Pengawal Pusat masing-masing** berserta dengan surat tawaran peperiksaan. Tuntutan yang tidak teratur dan melebihi satu (1) bulan dari tarikh peperiksaan tidak akan dilayan.

H. KEWAJIPAN MENDUDUKI PEPERIKSAAN

Adalah **DIINGATKAN** bahawa anggota MARA yang telah mendaftar **DIWAJIBKAN** untuk menduduki peperiksaan yang telah dipohon. Calon-calun **DIKEHENDAKI** mengemukakan surat sokongan seperti sijil sakit/borang cuti rehat atau lain-lain bukti kepada Pengarah Bahagian Sumber Manusia MARA (Unit Peperiksaan) jika tidak dapat menghadiri peperiksaan.